

19/05/2001

Semangat toleransi bantu Malaysia jadi negara maju

MUAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sikap toleransi rakyat pelbagai kaum yang sentiasa mengutamakan perpaduan membolehkan Malaysia muncul sebagai negara membangun paling maju di dunia.

Perdana Menteri berkata, ketika negara lain yang turut mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia masih berdepan dengan kegawatan dan masalah kaum, rakyat negara ini sentiasa sepakat dan bekerjasama.

Katanya, sikap toleransi dan sensitif terhadap jiran membolehkan orang Melayu, Cina, dan India makan semeja tanpa rasa takut kerana mereka memahami dan bertimbang rasa antara satu sama lain.

"Suasana di kalangan masyarakat negara ini amat menyenangkan hati kerana rasa kemesraan jelas di antara kaum. Semua kaum saling bersama dan bersalam-salaman.

"Inilah semangat yang perlu dipupuk dan dikembangkan ke seluruh negara. Jika semangat seperti ini berkembang di seluruh negara, kita tidak akan hadapi masalah perkauman," katanya berucap pada Majlis Jamuan Mesra Rakyat di Dataran Ledang, tengah hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Naib Presiden Umno yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Penerangan merangkap Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaacob.

Terdahulu, Dr Mahathir yang tiba di Tangkak kira-kira jam 9.30 pagi mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin cawangan dan bahagian Umno Bakri serta Segamat.

Beliau kemudian menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Tangkak sebelum menghadiri majlis jamuan mesra rakyat yang disertai kira-kira 1,000 penduduk setempat.

Dr Mahathir berkata, rakyat mesti bersyukur kerana keadaan di Malaysia yang berbilang kaum ini berbeza dengan negara pelbagai kaum lain yang sering bermusuhan serta menimbulkan masalah walaupun sama bangsa.

"Di Malaysia, kita bukan hanya berlainan kaum, tetapi agama, bangsa, budaya dan makanan juga berlainan, tetapi dapat kita hidup, makan dan kerja bersama. Ini kerana kita mempunyai sikap toleransi dan sensitif terhadap orang lain yang menjadi jiran kita," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan perbezaan yang wujud dalam banyak aspek, orang Melayu, Cina dan India di negara ini sebenarnya tidak berupaya untuk duduk bersama di Malaysia.

"Namun, di negara ini, kita dapat memupuk persaudaraan antara berbilang kaum. Inilah kelebihan membolehkan Malaysia menjadi negara membangun termaju di dunia.

"Ketika negara lain, masalah kegawatan yang dialami belum selesai, sering berlawan sesama sendiri tetapi di Malaysia, kita boleh berkumpul dan duduk bersama tanpa rasa takut kepada kaum lain sama sekali," katanya.

Beliau berkata, keamanan dan perpaduan yang dinikmati rakyat negara ini, sekarang adalah kerana pelbagai kaum yang ada saling bertimbang rasa antara satu sama lain.

Katanya, keadaan sekarang adalah nikmat cukup besar yang tidak dapat dilihat di negara lain dan setiap rakyat sewajarnya tidak membuat sesuatu yang boleh menjejaskan hubungan antara kaum.

(END)